

## HARIMAU BERBULU KAMBING

SIRI 25

OLEH kerana tabiat dan perangai manusia tidak sama di antara satu sama lain, ada yang baik, pemurah, berbudi tinggi dan seumpamanya, dalam pada itu tidak kurang pula di antaranya kedapatan yang berperangai jahat, penipu tidak beramanah dan berbagai-bagai kelakuan buruk lagi, maka kerana itu adat pepatih telah menggariskan beberapa panduan yang berupa pepatah untuk pegangan pemegang-pemegang teraju adat dalam menjalankan pentadbirannya.

Cuba amat-amati pepatah ini:

Musuh dalam selimut  
Musang berbulu ayam  
Harimau berkulit kambing

Memang kita tidak dapat menafikan tabiat dan kelakuan sebahagian manusia seperti yang digambarkan dalam pepatah ini, sikap seumpama ini lebih hebat dan menonjol lagi dalam dunia moden sekarang semata-mata demi kepentingan dan faedah diri sendiri.

Satu lagi pepatah yang ada kaitan dengan pepatah yang tersebut di atas yang mengingatkan kita supaya berhati-hati dalam mencari rakan dan sahabat, kerana ada di antara sahabat-sahabat kita itu yang tidak jujur dan ikhlas seumpama menanam tebu di hujung bibir, kata-katanya amat manis didengar tetapi hatinya serong dan agak busuk maka pepatah ini adalah tepat iaitu:

Menggunting dalam lipatan  
Pepat di luar rencong di dalam  
Lain di mulut lain di hati  
Selain dari itu cuba hayati lagi pepatah ini:


Walaupun tidur sereban  
Ayam mengekas di bawah pokok  
Itik ke air juga

Bagi mereka yang arif dalam menilai gerak langkah dan kehidupan manusia sikap waspada dan hati-hati penting terutama manusia sekarang sudah terlalu cerdik dan terdedah kepada unsur-

unsur yang tidak sihat, kebanyakan dari unsur-unsur ini datangnya dari luar yang banyak mempengaruhi tatasusila dan budaya kita.

Cuba bayangkan betapa orang-orang tua-tua kita dulu menciptakan pepatah ini dengan memberikan kiasan yang tepat di antara kehidupan ayam dan itik, walaupun ia boleh dan selesa tidur dalam satu reban tetapi bila dilepaskan, itik dengan cara hidupnya pasti ke air juga manakala ayam tetap mengekas di bawah-bawah pokok.

Dalam hubungan ini orang-orang tua kita mengingatkan juga, jangan menghidupkan anak musang dalam reban, walaupun ia akan menjadi jinak tetapi kerana tabiat semulajadi musang memakan daging, maka pastilah ayam pada perkiraan kita akan dibahamnya lebih dulu kerana itu setiap tindak tanduk dan gerak langkah kita hendaklah sentiasa waspada, ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.



OLEH  
TAN SRI SAMAD IDRIS